

DEWAN RA'AYAT YANG PERTAMA

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

PENGGAL YANG KEDUA

KERTAS PEMBERITAHU

HARI THALATHA, 26 HARIBULAN APRIL, 1960

PERTANYAAN² BAGI JAWAB MULUT

***1. Enche' V. David:** Minta kepada Menteri Pertahanan menerangkan ada-kah dengan persetujuan-nya bahawa kapal terbang daripada Angkatan Udara Persekutuan telah di-gunakan untuk membawa Yang di-Pertua Persatuan China Sa-Malaya yang dulu daripada Melaka semasa berlaku-nya satu kerisis MCA dan sa-kira-nya benar demikian, boleh-kah Menteri itu terangkan menurut kuasa undang² yang mana-kah telah di-setujukan pergunaan kapal terbang itu bersabit dengan satu kerisis dalam parti siasah itu sendiri.

***2. Enche' V. David:** Minta kepada Menteri Pertahanan menerangkan ia-itu mengikut sa-bagaimana Kerajaan British telah mengemukakan tuntutan bayar ganti rugi bagi pihak Pegawai² British semasa menghadapi Malayani-sation, ada-kah ia-nya akan menghadapi tuntutan bayar ganti rugi seperti itu juga bagi mereka daripada Warga Negara Persekutuan Tanah Melayu yang berkhidmat dalam Pejabat Peperangan British.

***3. Enche' V. David:** Minta kepada Menteri Pertahanan menerangkan berapa-kah jumlah wang yang telah di-beri kepada Pegawai Pasokan Kawalan Kampong yang telah berkhidmat kerana Bangsa dan apa-kah dasar kerajaan berkenaan dengan bantuan yang di-beri kepada Polis Khas yang telah berhenti kerja.

***4. Enche' Zulkiflee bin Muhammad:** Minta kepada Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat menerangkan ia-itu menurut hetongan dan kenyataan penyakit dan kematian tiap² minggu yang di-keluarkan oleh Kerajaan ternyata bahawa pneumonia lebeh banyak menyebabkan kematian bagi orang² yang terkena penyakit itu dari yang lain. Apa-kah langkah Kerajaan mengawal penyakit ini dan apa-kah ranchangan² Kerajaan supaya ra'ayat lebeh tahu tentang bahaya² dan sebab² serta chara² menghadapi penyakit ini.

PERTANYAAN² BUKAN BAGI JAWAB MULUT

1. Enche' V. David: Minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan apa-kah undang² buroh, sa-kira-nya ada, yang telah dimasok ka-dalam Sijil² Taraf Perintis yang di-keluarkan kepada perusahaan² yang telah di-luluskan itu.

2. Enche' V. David: Minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sebutkan nama² dan kelayakkan² ahli² Lembaga Penasehat London bagi Lembaga Kumpulan Wang Getah Malaya, apa-kah usaha²-nya, dan apa-kah sebab-nya Lembaga Penasehat London berhak mengesahkan ahli² itu pada hal ada Menteri Perdagangan dan Perusahaan.

3. **Enche' V. David:** Minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan ada-kah Kerajaan maseh lagi hendak memberi taraf perintis kepada Dunlop bagi membuat tayar sungguh pun ada kalangan orang ramai yang bersungut dalam perkara ini.

4. **Enche' V. David:** Minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan kilang mana-kah Dunlop atau Sharikat tempatan jadikan permintaan sulong-nya untuk mendapat taraf perintis bagi membuat tayar.

5. **Enche' V. David:** Minta kepada Perdana Menteri apa-kah sebab² yang menyebabkan Pengawas Kemajuan Perusahaan Bahagian, Mr. Stoneham, berhenti berkhidmat dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu selepas beliau menyertai Rombongan Tanah Melayu ka-Australia kerana Persidangan ECAFE.

6. **Enche' V. David:** Minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk mengalakkan pemodal² tempatan, sharikat² membuat barang² dan sharikat² perniagaan tempatan.

7. **Enche' V. David:** Minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan ada-kah menjadi dasar Kerajaan mengalakkan orang² supaya membeli barang² keluaran tempatan daripada membeli barang² dari luar.

8. **Enche' V. David:** Minta kepada Menteri Pertahanan menerangkan apa-kah sebab-nya Mr. Tan Chuan Sin, sa-orang yang di-tahan berkenaan dengan kesalahan siasah, di-beri tempat Kelas Tiga di-Rumah Sakit Besar, Johor Bahru dan tidak di-beri tempat dalam Kelas Dua.

9. **Enche' V. David:** Minta kepada Menteri Kewangan menerangkan berapa-kah di-anggarkan jumlah hasil yang akan hilang dengan chara memberi kechualian daripada chukai dan perlindungan tarif, sa-kira-nya Dunlop di-beri taraf perintis untuk membuat tayar.

10. **Enche' V. David:** Minta kepada Menteri Kewangan menerangkan berapa-kah jumlah wang hasil yang akan hilang dengan chara memberi kechualian daripada chukai dan perlindungan tarif kepada Sharikat² Asing di-Persekutuan Tanah Melayu.